

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 18/11/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 6

Kamarudin dipilih Ahli Lembaga Pengarah ICA

KUALA LUMPUR 17 Nov. - Naib Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Kamarudin Ismail hari ini dipilih sebagai Ahli Lembaga Pengarah Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) bagi penggal 2017-2021.

Pemilihan beliau dibuat sempena Persidangan Global dan Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICAKL 2017) yang



KAMARUDIN ISMAIL

berlangsung di Hotel Sunway dan Spa, Bandar Sunway, Selangor yang bermula 14 November lalu dan berakhir hari ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdulrahman berkata, kemenangan Kamarudin akan membolehkan negara menggunakan platform tersebut bagi memperjuangkan, menyuarakan pandangan dan idea pada pembangunan gerakan koperasi secara global.

“Kami akan mengetengahkan isu-isu semasa koperasi dalam negara dan rantau Asia yang perlu tindakan pihak dunia. Ini merupakan peluang kepada kita.

“Kita umpama kekeringan (dalam kedudukan) Ahli Lembaga Pengarah ICA kerana kali terakhir ada wakil negara adalah pada 2014 sebelum Kamarudin bertanding pada 2013 dan 2015,” katanya dalam sidang akhbar majlis pengundian Mesyuarat Agung ICAKL2017, dekat sini hari ini.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia